

01 OCT 1998

Umno-nafi

UMNO KOTA MELAKA NAFI SOKONG ANWAR

MELAKA, 1 Okt (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Kota Melaka Datuk Amid Nordin hari ini menafikan dakwaan kononnya bahagian itu terlibat dalam gerakan reformasi anjuran Datuk Seri Anwar Ibrahim walaupun mereka pernah menyokongnya ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

"Datuk Seri Anwar bukan lagi ahli Umno, jadi tidak ada sebab untuk diberikan sokongan," katanya pada persidangan berita di sini.

Beliau juga menafikan penglibatan bahagian itu dalam kegiatan untuk menjatuhkan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dulu kita sokong Anwar kerana dia Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno...sekarang dia bukan lagi ahli parti, jadi kenapa perlu sokong lagi," kata Amid.

Beliau berkata sokongan bahagian itu kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno serta tindakannya memecat Anwar adalah jelas dan tidak wajar dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Selasa lepas, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Nasir Manap meminta ibu pejabat Umno menyiasat kepimpinan Umno Bahagian Kota Melaka yang didakwa merupakan antara bahagian yang terlibat dengan kegiatan menjatuhkan Dr Mahathir dan juga menganjurkan ceramah reformasi oleh Anwar di sini pada 13 Sept lepas.

"Bahagian ini antara yang paling awal menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi parti berhubung tindakan terhadap Anwar..kita menghantar surat sokongan pada 9 Sept lepas," kata Amid.

Beliau berkata surat bantahan akan dikemukakan kepada ibu pejabat Umno berhubung tuduhan yang dibuat oleh Nasir itu kerana ia tidak berasaskan bukti dan hanya menimbulkan masalah kepada perpaduan parti.

"Kita juga rela disiasat dan kalau pihak yang membuat tuduhan mempunyai bukti, sila bawa kepada MT supaya tidak perlu pemimpin atasan berusaha payah datang menyiasat," katanya.

Sementara itu di KLANG, Umno Bahagian Kuala Langat menafikan yang ia terlibat dalam usaha untuk menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata sebuah jawatankuasa diketuai beliau dan dibantu oleh timbalannya Datuk Dr. Shafie Salleh telah ditubuhkan untuk menjalankan siasatan berhubung dengan perkara itu.

"Kami akan mengemukakan hasil siasatan kepada Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor secepat mungkin," kata beliau pada persidangan media di Klang.

-- BERNAMA

MOZ MAI KM FAZ